



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
MALAYSIA,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Blok A, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

Telefon: 88881480
88883381
Faks: 88883382

KPWKM 05/07/04 Jld.10 (83)

16 Oktober 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PENGAPLIKASIAN DATA MENGIKUT PECAHAN JANTINA
DALAM PENGUBALAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN
SERTA PERANCANGAN PROGRAM KERAJAAN**

Sebagaimana semua sedia maklum, Kerajaan adalah **komited** dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat **kesaksamaan gender** memandangkan golongan wanita melaksanakan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk **mewujudkan persekitaran yang kondusif** bagi **memperkasakan wanita** yang merupakan sebahagian daripada aset utama negara.

2. Bagi tujuan **pengubalan dasar dan pelan tindakan** serta perancangan program yang lebih efektif demi kepentingan dan kesejahteraan wanita, setiap kementerian/agensi Kerajaan hendaklah **mengumpul dan menganalisa data** mengikut


pecahan jantina. Ini akan membolehkan keperluan yang berbeza antara wanita dan lelaki, terutamanya dari segi faktor biologikal diambil kira oleh dasar, pelan tindakan dan program yang dilaksanakan. Pengumpulan dan penganalisan data ini melibatkan pelbagai sektor seperti **ekonomi**, **pendidikan**, **kesihatan** dan **sosial**, termasuk penyertaan wanita di **peringkat pembuat keputusan**.

3. Selain itu, data mengikut pecahan jantina yang terdapat di setiap kementerian/agensi Kerajaan juga penting untuk **dikongsi** dan **diguna pakai secara bersama** bagi memantapkan lagi **penggubalan dasar** dan **pelan tindakan** serta **perancangan program** Kerajaan.

4. Pengumpulan data ini hendaklah diselaraskan oleh **gender focal point** yang dilantik di kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan. Sekiranya kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan tidak mempunyai **gender focal point**, maka pengumpulan data ini perlu dilaksanakan oleh pegawai perangkaan.

5. Semua ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan dan agensi, termasuk di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan hendaklah **memberi keutamaan** kepada perkara ini dan **mengambil tindakan segera** untuk melaksanakannya.

Sekian, terima kasih.



(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)